Dedahkan mahasiswa cara hidup sihat

Berita dan Foto : Ihsan Jarirah Johari

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) mengadakan aktiviti riadah bertemakan 'Riadah Halalan Thayyiban', bertempat di Taman Peranginan Tasek Lama, pada Jumaat, 29 Mac.

Aktiviti tersebut diungkayahkan oleh Halalan Thayyiban Student Society (HTSS).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah PPHT, UNISSA, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh.

Seramai 30 orang mahasiswa yang mengikut program halal *science* di PPHT ikut serta dalam aktiviti tersebut termasuk pensyarah-pensyarah dan pegawai-pegawai PPHT.

Tujuan aktiviti tersebut diadakan untuk merapatkan dan memperkukuhkan lagi hubungan silaturahim di antara para mahasiswa, pensyarah-pensyarah dan pegawai-pegawai PPHT.

Aktiviti ini bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang cara hidup yang sihat, di samping para peserta dapat mempelajari benda-benda baharu di luar kawasan kampus.

Aktiviti dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh Ra'es Unit Keugamaan dan Kerohanian HTSS, Awang Mohammad Hadisaifullah bin Abdul Rahim, kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Profesor Madya Dr. Nurdeng selaku penganjur.

Acara diteruskan dengan senamrobik yang diketuai oleh Ra'es Unit Kebajikan HTSS, Awangku Mohammad Nur Ajrun'azhim bin Pengiran Julkifli.

Aktiviti dimulakan dengan mendaki Bukit Sarang Helang membawa misi Searching For Thayyibat Products For The Sake Of Allah, satu aktiviti yang agak mencabar, di mana para peserta diarahkan untuk mencari produk *thayyibat* dan dikehendaki menerangkan mengenai keberadaan produk yang mereka dapati juga bagaimana mereka mendapatinya.

Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan, Pengarah PPHT memberikan sedikit nasihat kepada para peserta, bahawa sebagai manusia boleh membuat sesuatu benda tanpa pengetahuan orang ramai kecuali Allah, kerana Allah itu Maha Melihat Lagi Maha Mengetahui.

Para peserta juga diingatkan berhati-hati dalam menyampaikan apa jua jenis berita kerana ditakuti tersebarnya berita-berita yang tidak sahih yang boleh menimbulkan fitnah.

PARA peserta 'Riadah Halalan Thayyiban' ketika bergambar ramai di Taman Peranginan Tasek Lama.

Industri Pertanian, Agrimakanan meningkat

Dari muka 13

Berita : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

"Penyumbang utama adalah dari Industri Ternakan (Live stock Industry) yang menyumbang sebanyak 244.63 juta pada tahun 2018, berbanding pada tahun 2017, yang hanya mencatat 229.44 juta bagi industri ternakan," terangnya.

Menurutnya, penyumbang kedua terbesar ialah Industri Agrimakanan (Agrifood Industry) mencatatkan sebanyak 127.81 juta, diikuti dengan Industri Pertanian (Crop Industry) mencatat sebanyak 63.69 juta pada tahun 2018.

Tambahnya, matlamat strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tambahnya ialah bagi meningkatkan pertumbuhan keluaran daripada sektor pertanian, penternakan dan agrimakanan secara berterusan setiap tahun, sehingga dapat menyumbang kepada pertumbuhan KDNK, pertumbuhan eksport dan seterusnya kepada kepelbagaian ekonomi.

Taklimat tersebut antara pengisian Program Masyarakat Bermaklumat yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan di bawah Jawatankuasa Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Birau.

Lebih 30 peserta terdiri dari penduduk Kampung Birau menyertai program yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat.

KETAHUI UBAT TRADISIONAL DAN SUPLEMEN KESIHATAN AWDA

JADILAH PENGGUNA BIJAK

1. BACA LABEL - LABEL HARUSLAH JELAS DAN MENGANDUNGI :-
   - ✓ NAMA PRODUK
   - ✓ BENTUK DOS
   - ✓ NAMA BAHAN AKTIF
   - ✓ KEKUATAN BAHAN AKTIF
   - ✓ CARA PENGAMBILAN / PENGGUNAAN
   - ✓ CARA PENYIMPANAN
   - ✓ NOMBOR BAC (BATCH NUMBER ATAUPUN B/N)
   - ✓ TARIKH MANSUH
   - ✓ NAMA PENGILANG
   - ✓ AMARAN (JIKA BERKENAAN)
   - ✓ SAIZ PEK
2. MEMERIKSA KEADAAN PRODUK DAN PASTIKAN IANYA DITUTUP RAPAT DAN BELUM DIBUKA.
3. KETAHUI FUNGSI PRODUK SEBELUM MENGGUNAKAN ATAU MENGAMBIL PRODUK TERSEBUT.
4. DAPATKAN NASIHAT DOKTOR AWDA SEBELUM MENGAMBIL/MENGGUNAKAN MANA-MANA UBAT TRADISIONAL ATAU PRODUK SUPLEMEN KESIHATAN.
5. JANGAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN IKLAN PRODUK YANG MEMBUAT TUNTUTAN PERUBATAN *'TOO GOOD TO BE TRUE'*.
6. PASTIKAN PRODUK AWDA GUNAKAN :-
   - ✗ BUKAN PRODUK YANG DITEGAH/ DIHARAMKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN
   - ✗ TIDAK MENGANDUNGI BAHAN RACUN YANG DIKAWAL.

BAGI MAKLUMAT TENTANG UBAT TRADISIONAL ATAU SUPLEMEN KESIHATAN YANG DITEGAH/DIHARAMKAN ATAU SENARAI BAHAN RACUN YANG DIKAWAL DALAM AKTA RACUN. SILA LAYARI LAMAN WEB RASMI JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI *HTTP://MOH.GOV.BN/SITEPAGES/POISONS%ACT.ASPX*

SEBARANG PERTANYAAN MENGENAI UBAT TRADISIONAL DAN SUPLEMEN KESIHATAN, SILA HUBUNGI :-

BAHAGIAN KOMPLIANS DAN PERLESENAN
TINGKAT 1, BANGUNAN JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI, SIMPANG 433, LEBUHRAYA RIMBA, KAMPUNG MADARAS,
MUKIM GADONG ' A' NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

NO TALIAN : +673 2393298 / 2393301 /2393230 (EXT 208 / 209)
NO. FAKS : + 673 2393297 E-MAIL : PHARMACY.ENFORCEMENT@MOH.GOV.BN

SUMBER : KEMENTERIAN KESIHATAN